

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 21

RUANGAN : NASIONAL

Kes HFMD

12 pusat jagaan kanak-kanak di Melaka ditutup

1,378 kes direkod sehingga 14 Mei lalu meningkat 24.6 kali ganda

Oleh Amir Mamat
bhnews@bh.com.my

Melaka: Sebanyak 12 pusat jagaan kanak-kanak terpaksa ditutup selepas Melaka mencatatkan 1,378 kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) sehingga 14 Mei lalu.

EXCO Kesihatan dan Antidadah negeri, Dr Muhamad Akmal Saleh, berkata peningkatan semula bilangan kes HFMD yang dilaporkan adalah selepas cuti Aidilfitri yang berlaku atas faktor pergerakan dan TASKA, TADIKA serta pusat penjagaan beroperasi semula.

Beliau berkata, jumlah itu menunjukkan peningkatan 24.6 kali ganda berbanding tempoh sama tahun lalu yang hanya merekodkan 56 kes.


Katanya, jangkitan tertinggi membabitkan kanak-kanak berusia bawah 6 tahun yang menyumbang 95.5 peratus daripada keseluruhan kes.

Sebanyak 16 kluster direkod-

kan dengan daerah Jasin merekodkan jumlah kluster tertinggi iaitu sebanyak 11 kluster, diikuti Melaka Tengah (empat kluster) dan Alor Gajah (satu kluster).

"Secara keseluruhan, Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA), Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKA) dan pusat jagaan adalah premis tertinggi berlaku wabak HFMD dengan merekodkan 12 kluster," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Muhamad Akmal berkata, walaupun berlaku peningkatan mendadak kes jangkitan HFMD, namun ia masih terkawal dengan hanya 67 kes dimasukkan ke hospital setakat



Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA), Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKA) dan pusat jagaan adalah premis tertinggi berlaku wabak HFMD. (Foto hiasan)

12 Mei lalu.

Katanya, majoriti kes iaitu 91.4 peratus yang dimasukkan ke hospital juga dirawat sebagai pesakit luar dan tiada kematian dilaporkan setakat ini.

"Bagi mengawal jangkitan daripada terus meningkat, Jabatan Kesihatan negeri mengambil langkah proaktif untuk memeriksa persekitaran premis berisiko seperti TASKA, TADIKA dan pusat jagaan, selain memberi khidmat nasihat

mengenai aspek kebersihan premis.

"Selain itu, sesi 'townhall' bersama semua pengusaha dan guru TASKA, TADIKA, pusat jagaan swasta dan kerajaan juga diadakan.

"Jabatan Kesihatan Melaka juga akan mengemas kini maklumat berkaitan HFMD di media sosial dan jika berlaku wabak, arahan penutupan premis akan dikeluarkan sekiranya berlaku wabak HFMD di premis terbabit," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

Oleh Amir Mamat
am@hmetro.com.my

Ayer Keroh

Penularan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) di Melaka menunjukkan peningkatan 24.6 kali ganda dengan 1,378 kes direkodkan sehingga Sabtu lalu.

EXCO Kesihatan dan Anti-Dadah negeri Dr Muhamad Akmal Saleh berkata, bagi tempoh sama tahun lalu, jumlah direkodkan hanya 56 kes.

Kata beliau, jangkitan tertinggi membabitkan kanak-kanak berusia bawah enam tahun yang menyumbang 95.5 peratus daripada keseluruhan kes.

"Enam belas kluster direkodkan dengan jasin merekodkan jumlah kluster tertinggi iaitu 11, diikuti empat di Melaka Tengah dan satu di Alor Gajah.

"Secara keseluruhan, Taman Asuhan Kanak-kanak (Taska), Taman Didikan Kanak-kanak (Tadika) dan pusat jagaan adalah premis tertinggi berlaku wabak HFMD dengan merekodkan 12 kluster.

"Setakat 14 Mei lalu, 12 premis berkenaan sudah diarah tutup di bawah Akta Pencegahan dan Pengawa-

Meningkat 24.6 kali ganda

Penularan penyakit HFMD di Melaka



“Bagi mengawal jangkitan daripada terus meningkat, JKN mengambil langkah proaktif memeriksa persekitaran premis berisiko seperti Taska, Tadika dan pusat jagaan”

Dr Muhamad Akmal

lan Penyakit Berjangkit 1988,” katanya pada kenyataan semalam.

Dr Muhamad Akmal berkata, walaupun berlaku peningkatan mendadak kes jangkitan HFMD, namun ia masih terkawal dengan hanya 67 kes dimasukkan ke hospital setakat 12 Mei lalu.

Beliau berkata, majoriti kes iaitu 91.4 peratus yang dimasukkan ke hospital juga

dirawat sebagai pesakit luar dan tiada kematian dilaporkan setakat ini.

"Bagi mengawal jangkitan daripada terus meningkat, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) mengambil langkah proaktif memeriksa persekitaran premis berisiko seperti Taska, Tadika dan pusat jagaan.

"Selain itu, sesi 'townhall' bersama pengusaha dan gu-

ru Taska, Tadika, pusat jagaan swasta dan kerajaan juga diadakan," katanya.

Menurut beliau, JKN Melaka akan mengemaskini maklumat berkaitan HFMD di media sosial.

Arahan penutupan premis juga akan dikeluarkan sekiranya berlaku wabak HFMD di premis berkaitan.

Mengulas lanjut, beliau menasihati ibu bapa supaya tidak membawa anak mereka ke tempat awam dan sekolah sekiranya mempunyai tanda serta gejala penyakit HFMD.

"Pengusaha Taska, Tadika dan pusat jagaan juga diminta membuat saringan di pintu masuk bagi memastikan tiada kanak-kanak dijangkiti, selain menitikberatkan aspek kebersihan premis dengan melakukan proses sanitasi sekurang-kurangnya dua kali sehari," katanya.

46.5 peratus kanak-kanak selesai satu dos vaksin

Kuala Lumpur: Sebanyak 1,073,551 atau 30.2 peratus kanak-kanak berusia antara lima hingga 11 tahun di negara ini lengkap menerima vaksin di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan untuk Kanak-Kanak (PICKids) setakat kelmarin.

Menurut laman web CovidNow, sebanyak 1,650,581 kanak-kanak atau 46.5 peratus daripada kumpulan itu telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berusia 12

hingga 17 tahun pula, 2,906,035 atau 93.4 peratus sudah lengkap menerima vaksinasi manakala 3,003,483 atau 96.5 peratus daripada kumpulan sama menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sejumlah 16,069,133 atau 68.3 peratus golongan dewasa menerima dos pengalag manakala 22,971,604 atau 97.6 peratus telah lengkap dua dos dan 23,247,523 atau 98.8 peratus telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin Covid-19.

4,037 rakyat Sarawak hilang pekerjaan

Kuching: Seramai 4,037 rakyat Sarawak hilang pekerjaan akibat penularan pandemik Covid-19 sejak 2020.

Daripada jumlah itu seramai 3,002 hilang pekerjaan pada tahun 2020 manakala 1,035 menerima nasib sama pada 2021.

Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Buruh, Imigresen dan Pemantauan Projek) Datuk

Gerawat Gala berkata, berikutan itu kerajaan Sarawak melaksanakan beberapa langkah bagi menangani masalah pengangguran kalangan rakyat yang terkesan akibat wabak berkenaan.

"Antara langkah membantu rakyat mendapatkan pekerjaan itu ialah melaksanakan program Latihan Pengukuhan Graduan Sarawak (GETS)," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : NEGARA

Evali dikesan ancam nyawa penghisap vape

PENGHISAP tegar rokok elektronik atau vape yang mempunyai penyakit kronik seperti asma, jantung, paru-paru, darah tinggi dan kanser bersiko tinggi terdedah kepada ancaman penyakit *vaping product use-associated lung injury* atau Evali yang boleh membawa maut.

Pakar Kibalkal Perubatan Kecemasan Jabatan Perubatan Kecemasan, Pusat Perubatan Universiti Malaya, Dr. Mohd. Afiq Mohd. Nor berkata, terdapat dua kes Evali telah dikesan di Labuan dan Kuching, Sarawak pada akhir 2019 dan awal 2020.

"Penyakit yang menyerang paru-paru ini mula dikesan di Amerika Syarikat di antara September 2019 hingga Februari 2020 dengan jumlah pesakit seramai 2,807 orang. Daripada jumlah itu, 68 orang maut yang majoritinya adalah orang muda," katanya.

• LAPORAN PENUH DI MUKA 2

**Pesakit akan
mengalami
kesukaran
bernafas
sehingga boleh
membawa
maut**

EVALI menyebabkan paru-paru pesakit rosak apabila terdedah dengan bahan-bahan berbahaya yang disedut melalui vape.
GAMBAR HIASAN



AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEGARA

Penghisap tegar vape yang menghidap penyakit ini berisiko tinggi boleh mati

Simptom Evali menyerupai Covid-19

Oleh LUQMAN RIDHWAN
MOHD. NOR

PUTRAJAYA – Penyakit vaping *product use-associated lung injury* atau Evali kini menjadi satu ancaman kepada kesihatan penghisap tegar rokok elektronik atau vape di negara ini kerana ia berisiko tinggi membawa maut terutama kepada mereka yang mempunyai penyakit kronik.

Pakar Klinikal Perubatan Kecemasan Jabatan Perubatan Kecemasan, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Dr. Mohd. Afiq Mohd. Nor berkata, simptom utama Evali melibatkan masalah pernafasan seperti sukar bernafas dan batuk-batuk yang teruk.

Menurutnya, seseorang itu juga boleh mengalami sakit dada, demam, muntah dan cirit-birit serta pening kepala.

“Simptom ini boleh berlanjutan dengan sangat lama sehingga kemudiannya menjadi lebih teruk dan akhirnya boleh mengakibatkan kematian,” katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Dr. Mohd. Afiq memberitahu, di negara ini, terdapat dua kes Evali yang dikesan berlaku di Labuan dan Kuching, Sarawak pada akhir 2019 dan awal 2020.

“Selain itu, kami juga telah membuat kajian berkaitan Evali pada tahun lalu dari Januari sehingga November di PPUM.

“Kajian dinamakan *Incidence of Evali among SARI Patients* ini telah mendapati, insiden Evali adalah sebanyak 840 kes dalam 100,000 kes SARI (Jangkitan Pernafasan Akut Teruk).



PENGHISAP vape tegar perlu memastikan bahan-bahan yang digunakan dalam rokok elektronik dijalin selamat.
- GAMBAR HIASAN

“Dalam kajian ini, kami memperoleh tiga kes yang disahkan dan lima kes berkemungkinan menghidap Evali,” ujarnya.

Dr. Mohd. Afiq berkata, penyakit itu mula dikesan di Amerika Syarikat di antara September 2019 sehingga Februari 2020, dengan jumlah pesakit yang dimasukkan ke hospital akibat Evali adalah seramai 2,807 orang.

Menurutnya, daripada jumlah itu, seramai 68 orang maut dan majoriti mereka terdiri daripada

golongan muda.

“Golongan yang paling berisiko menghidap Evali adalah mereka yang mempunyai latar belakang penyakit kronik seperti asma, paru-paru, jantung, darah tinggi dan juga kanser,” ujarnya.

Lebih menakutkan katanya, simptom penyakit Evali menyerupai Covid-19, sekali gus menyukarkan pihaknya untuk melakukan diagnosis antara kedua-dua penyakit berkenaan.

Bagaimanapun, ujarnya, rawa-

tan segera yang diberikan kepada pesakit boleh menyelamatkan nyawa mereka.

“Kaedah rawatan utama adalah untuk merawat terlebih dahulu simptom yang dialami mereka daripada terus melarat.

“Namun, jika pesakit itu mendapat gejala yang teruk, ia perlu dimasukkan ke unit rawatan rapi dan kemungkinan memerlukan bantuan pernafasan,” katanya.

Beliau menjelaskan, Evali terdapat setelah paru-paru terdedah

dengan bahan-bahan kimia berbahaya yang disedut menerusi vape.

“Keterukan Evali ini juga bergantung kepada dos dan jenis bahan yang digunakan dalam vape terutama bahan larangan yang dimasukkan selain kekerapan penggunaan produk itu,” ujarnya.

Dr. Mohd. Afiq berkata, terdapat beberapa teori saintifik berkaitan kerosakan paru-paru akibat penggunaan vape, dengan yang pertama ialah bahan kimia yang disedut menyebabkan kerosakan sel paru-paru.

Jelasnya, keadaan itu seterusnya menyumbang kepada nekrosis terhadap epitelium dan endotelium pada paru-paru yang akhirnya menjadikan organ itu mendapat *diffuse alveolar hemorrhage or damage* (kecederaan pada paru-paru).

Katanya lagi, teori kedua pula adalah sedutan vape yang mengandungi pelbagai bahan kimia seperti propylene glycol, glycerin, nikotin dan sebagainya yang boleh mengubah tahap imuniti dan status keradangan pada paru-paru.

“Ia termasuklah menukar cell makrofag kepada pro-inflammatory phenotype yang akhirnya akan melepaskan lebih banyak respon keradangan cytokine.

“Bahan-bahan ini tidak diperlukukan oleh paru-paru manusia, bahkan akan memberi kesan yang sangat berbahaya. Lebih banyak bahan kimia yang dicampur, lebih berisiko tinggi kerosakan yang akan berlaku pada organ penting itu,” katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 23
RUANGAN : SINAR NEGERI

HFMD: Melaka, Johor terus catat peningkatan

MELAKA - Bilangan kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) di Melaka merekodkan peningkatan sebanyak 24.6 kali ganda sehingga 14 Mei lalu berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Exco Kesihatan dan Antidadah, Dr Muhamad Akmal Saleh berkata, jumlah itu menyaksikan peningkatan sebanyak 1,322 kes dengan menjadikan jumlah keseluruhan kes HFMD 1,378 kes berbanding 56 kes yang didaftarkan pada tahun lalu.

Katanya, sehingga 12 Mei lalu jumlah kemasukan wad merekodkan sebanyak 67 kes iaitu peningkatan sebanyak enam kes berbanding minggu sebelumnya, bagaimanapun majoriti 91.4 peratus dirawat sebagai pesakit luar.

"Sebanyak 95.5 peratus kes yang didaftarkan membabitkan bayi hingga kanak-kanak berusia enam tahun.

"Kes meningkat tetapi kes serius rendah dan tiada kematian dilaporkan setakat ini," katanya dalam satu kenyataan di sini pada



MUHAMAD AKMAL

Rabu.

Di **JOHOR BAHRU**, kes HFMD di negeri ini dilaporkan meningkat sebanyak 12.8 kali ganda bagi tempoh 1 Januari hingga 14 Mei tahun ini berbanding tempoh sama tahun lepas.

Exco Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon berkata sehingga Minggu Epid 19/2022 (yang berakhir 14 Mei), sebanyak 1,237 kes HFMD telah dilaporkan berbanding 97 kes pada tempoh sama pada 2021.

"Majoriti lokasi penularan wabak di negeri ini sehingga minggu Epid 19/2022 berlaku di taska iaitu sebanyak 18 kes diikuti oleh rumah persendirian (lapan), tadika (tiga) dan pusat jagaan kanak-kanak (satu)," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Kick- Off Projek Nyamuk Aedes Berwolbachia di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Permai di sini pada Rabu.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION/NEWS

HIGHEST AMONG KIDS

HFMD CASES UP IN MELAKA, KELANTAN

1,378 cases detected in Melaka up to May 15; 945 cases in Kelantan up to May 14

AMIR MAMAT
AYER KEROH
news@nst.com.my

MORE children in Melaka and Kelantan are getting hand, foot and mouth (HFMD) disease.

In Melaka, 1,378 cases were detected up to Saturday, a 24.6-fold increase compared with the 56 cases recorded in the same period last year.

State Health and Anti-Drug Committee chairman Dr Muhammad Akmal Saleh said the highest number of infections were in children below 6, who accounted for 95.5 per cent of the cases.

"Sixteen clusters were found, including 11 in Jasin, four in Melaka Tengah and one in Alor Gajah.

"Childcare centres (taska), early childhood education centres (tadika) and day-care centres accounted for at least 12 of the 16 clusters in the state.

"Up to May 14, 12 of these premises had been ordered closed under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988," Dr Muhammad Akmal said in a statement yesterday.

Despite the sharp increase, he said, the situation was under control with only 67 cases admitted to hospitals.

He said 91.4 per cent of those infected were given outpatient treatment at hospitals and that no deaths had been reported so far.

"To control the spread, the state Health Department has taken proactive measures to inspect all

childcare centres, such as taska, tadika and daycare centres."

He said a town hall session was also held with teachers, childcare centre operators and government officials.

"We will update the information on HFMD on social media platforms.

"In the event of an outbreak, an order to close the premises will be issued immediately."

In Kelantan, 73.8 per cent of the 945 HFMD cases involved children aged between 1 and 4.

Kelantan Health director Datuk Dr Zaini Hussin said the cases were recorded in the 19th epidemiological week between May 8 and 14.

He said 11.8 per cent of the cases involved children aged between 4 and 6.

Those aged below 1 accounted for 8.5 per cent of the cases, 4.9 per cent involved children aged 7 to 13, 0.4 per cent involved those aged 13 to 17 and 0.5 per cent were those aged 18 and above.

Dr Zaini said 2,493 HFMD cases had been recorded in Kelantan this year.

"The figure shows a sharp increase of 934 compared with 241 in the same period last year," he said in a statement.

He said Kelantan recorded 18 outbreaks of HFMD between January and this month, compared with only one in the corresponding period last year.

"Outbreaks mostly occur in kindergartens and nurseries."

Health Minister Khairy Jamaluddin recently said there was a significant increase in HFMD cases.

A total of 28,957 cases had been reported in January and Friday this year compared with only 4,239 in the whole of last year.

However, Khairy said, the increase was expected with the reopening of economic sectors, including the education sector, and resumption of face-to-face learning at schools, as well as kindergartens and childcare centres.



Dr Muhammad Akmal Saleh



People participating in outdoor activities at Dataran Merdeka in Kuala Lumpur on Sunday. PIC BY ASWADI ALIAS

ON TUESDAY

Recoveries higher than new infections

KUALA LUMPUR: There were more Covid-19 recoveries than new infections on Tuesday.

Based on data from the Health Ministry's CovidNow portal, there were 1,836 recoveries and 1,469 new cases nationwide.

This brings the cumulative recoveries to 4,416,982.

The portal also stated that three deaths were recorded on Tuesday, one each in Kedah, Perlis and Melaka. Two were brought-in-dead cases in Perlis and Melaka.

This brings the Covid-19 death toll in the country to 35,623.

Malaysia has recorded

4,481,278 infections since the pandemic started in March 2020.

More than 99 per cent or 1,466 of the new cases on Tuesday were locally transmitted.

There are 30,509 active cases in the country with 95.9 per cent of patients observing home quarantine.

Twenty patients have been placed in Covid-19 quarantine and treatment centres.

A total of 1,182 patients or 3.9 per cent were admitted to hospitals, 36 of whom are in intensive care units (ICU).

Out of the 36, 17 are on ventilator support.

The Klang Valley has seen 99.1 per cent of its population vaccinated under the Covid-19 National Immunisation Programme.

It is followed by Penang with 90.1 per cent and Negri Sembilan with 88.4 per cent.

More than 82.5 per cent of the population have received at least one dose of the vaccine.

Kelantan and Sabah recorded the lowest vaccination numbers at below 70 per cent.

Only 62.6 per cent of the population in Kelantan and 64.7 per cent in Sabah have been vaccinated.

'4,037 in Sarawak lost jobs during pandemic'

KUCHING: The Covid-19 pandemic has caused 4,037 people in Sarawak to lose their jobs, said Deputy Minister in the Sarawak Premier's Department Datuk Gerawat Gala.

He said the Sarawak government had implemented eight Sarawakku Sayang Special Assistance (BKSS) packages amounting to RM5.7 billion to alleviate the burden of the people, including those who lost their jobs.

"To reduce unemployment, the Graduate Enhancement Training Sarawak and Industry Workforce Development programmes were introduced to enable graduates to undergo industrial training.

"The BKSS package includes cash aid to the B40 group, cash

assistance for small and medium entrepreneurs, as well as rental deferment," he said in reply to a question from Safiee Ahmad (GPS-Daro) at the Sarawak state legislative assembly sitting here yesterday.

Gerawat said the Social Security Organisation also organised programmes such as the Go Rural Area Programme (GRAP) and career carnivals to provide information on job opportunities.

"With the economic recovery from the Covid-19 pandemic,



Datuk Gerawat Gala

more and more companies such as Sarawak Oil Palms and Sarawak Petchem are actively holding job fairs."

For the long term, he said, the Sarawak government would introduce initiatives under the Post Covid-19 Development Strategic Plan 2030 to create high-productivity economic activities, as well as employment and business opportunities.

"It is expected that about 200,000 high-paying jobs will be created by 2030." **Bernama**

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

12 childcare centres closed as HFMD cases rise

MALACCA: A total of 12 childcare centres were closed after the state recorded 1,378 cases of hand, foot and mouth disease (HFMD) as of May 14.


State Health and Anti-Drugs Committee chairman Dr Muhamad Akmal Saleh said the increase in the number of HFMD cases was reported after the Aidilfitri holidays, and this was due to travel movement and reopening of childcare and kindergarten centres.

"There was an increase of 1,322 cases compared with the corresponding period last year which was 56 cases, and 95.5% of the cases involved children below six years," he said in a statement yesterday.

He added eight HFMD cases required admission during the 19th epidemiological week (from May 8 to 14), an increase of six cases compared with the previous week.

"Overall, the total number of admissions to paediatric or medical wards was 67 cases with 91.4% treated as outpatients. No deaths have been reported so far."

He said Central Malacca district recorded 124 cases, an increase of 69 cases (125.4%) from the previous week, while Alor Gajah and Jasin reported 162 and 115 cases respectively,



KPJ Penang Specialist Hospital paediatrician Dr Abdul Nasir Mohamed examining a child's hands for HFMD infection yesterday. - **MASRY CHE ANI/THESUN**

Three HFMD clusters were reported as of May 14, bringing the total to 16 clusters with Jasin district recording the highest with 11 (68.8%) followed by four in Central Malacca (25%) and Alor Gajah with one (6.2%).

"Kindergartens, nurseries and childcare centres reported the highest number of infections with 12 active clusters," he said.

Inspections and monitoring are being conducted by the state Health Department and district health

office at high-risk premises.

He said to date, 30 premises had been inspected, adding that four Town Hall sessions would be held to brief teachers and operators of government and private childcare centres on the issue. - **Bernama**

Over 16m adults given boosters

KUALA LUMPUR: A total of 1,073,551 or 30.2% of children aged five to 11 completed their vaccination under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children as of Tuesday.

According to the CovidNOW portal, 650,581 children or 46.5% had received at least one dose of the vaccine.

For adolescents aged 12 to 17, 2,906,035 or 93.4% of the group had completed their vaccination, while 3,003,483 or 96.5% received at least one vaccine dose.

Meanwhile, a total of 16,069,133 or 68.3% of the adult population had received the booster dose, while 22,971,604 or 97.6% completed two doses and 23,247,523 or 98.8% received at least one dose.

A total of 14,253 vaccine doses were dispensed on Tuesday, with 3,300 as the first dose, 8,348 as the second dose and 2,605 as booster dose, bringing the cumulative number of doses administered under the national immunisation programme to 70,708,376.

According to the Health Ministry's GitHub portal, three deaths were recorded on Tuesday with one case each in Kedah, Malacca and Perlis. - **Bernama**